

CNS0616

U PB 07-11 00157 BH448

aab

Mahathir - Pengganti

MAHATHIR SERAHKAN KEPADA ANGGOTA PARTI TENTUKAN PENGGANTINYA

I

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menyerahkan kepada anggota-anggota parti untuk menentukan penggantinya.

Beliau tidak bersetuju dengan cadangan seorang pemberita bahawa dengan menunjukkan tanda-tanda yang jelas dan awal mengenai pengganti pilihannya mungkin dapat memastikan perpaduan yang tulen di dalam parti, seperti yang sering ditekankannya selama ini.

Dr Mahathir berkata jika beliau menentukan penggantinya, ia bukan sahaja tidak demokratik, tetapi mungkin juga memecahkan parti.

+Dengan menamakan penggantisaya, tidak akan membantu. Ia sebaliknya mungkin akan memecahkan parti, + katanya pada persidangan akhbar di akhir sesi Perhimpunan Agung Umno bagi hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya :+Dalam sistem kita, anggota-anggotalah yang akan menentukan siapa serta jenis orang yang mahu mereka pilih. Kita biarkannya kepada para anggota, + kata Perdana Menteri. -- Lagi

▼07/11/20-02MST

CNS0618

U PB 07-11 00136 BH449

aab

Mahathir - Pengganti 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata sebagai presiden parti, beliau tidak boleh memaksa anggota-anggota parti untuk bersatu padu.

Apa yang boleh dilakukannya hanya semata-mata merayu dan menjelaskannya kepada mereka.

+Jika mereka menghargai perlanya perpaduan, mereka akan bersatu padu, + katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau sering bercakap mengenai perpaduan, ia tidak bermakna bahawa tidak ada perpaduan dalam parti masa ini.

Memang terdapat perpaduan dalam parti, tetapi ia boleh terus diperkukuhkan, katanya.

Mengenai cadangan seorang anggota perwakilan dari Selangor semasa perbahasan pada perhimpunan itu bahawa biro perpaduan perlu dibentuk di ibu pejabat parti untuk mewujudkan perpaduan di kalangan anggota-anggota parti,

Perdana Menteri berkata beliau akan mengkaji cadangan itu.

Bagaimanapun katanya, pembentukan biro seumpama itu tidak menjamin wujudnya perpaduan. -- Lagi

▼07/11/20-16MST

CNS0627

U PB 07-11 00139 BH453:

aab

Mahathir - Pengganti 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai permintadn' seorang anggota perwakilan Sabah supaya kerajaan mengarahkan Penerbangan Malaysia menurunkan kadar tambang ke Sabah dan Sarawak untuk menygalakkan integrasi nasional, Dr Mahathir berkata sebagai sebuah syarikat, MAS bertanggungjawab kepada para pemegang sahamnya.

Jika tambang itu diturunkan, kerajaan perlu memberi subsidi kepada mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sebenarnya pada satu masa dahulu telah menyediakan MR5 juta setahun untuk memajukan Feri Malaysia. Isu Feri Malaysia turut dibangkitkan oleh anggota perwakilan itu.

Bagaimanapun, perkhidmatan itu tidak popular kerana ramai yang lebih gemar menggunakan pengangkutan udara untuk menjimatkan masa.

Dr Mahathir juga berkata Sabah telah menghantar anggota perwakilan yang terbesar ke perhimpunan itu menggunakan perbelanjaan masing-masing.

Ini menunjukkan tambang kapal terbang itu tidak menghalang untuk berjalan, katanya. -- Bernama

▼07/11/20-34MST